

PM bidas cerdik pandai yang berteori dan kritik saja

UM 27 DEC 1983

ALUR SETAR, 26 Dis. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad membidas kalangan cerdik pandai yang pandai berteori dan mengkritik sahaja tetapi tidak mencadangkan apa-apa usaha yang boleh membawa kebaikan.

Kalangan itu, kata beliau sentiasa mengkritik usaha-usaha yang dijalankan dan menganggap semuanya tidak betul tetapi apa pula yang betul tidak pula ditimbulkan.

Katanya, mereka ini memang pandai berhujah atau petah bercakap tetapi sebenarnya tidak akan berjaya dalam apa juga bidang yang ditugaskan kepada mereka.

Berucap merasmikan simposium kepimpinan belia kebangsaan di Dewan Sultan Abdul Hamid di sini hari ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa yang penting bukan berteori atau berfikir tetapi bekerja dan membuat sesuatu.

mudahan seperti klinik yang semuanya ini tidak diambil kira oleh mereka.

Perdana Menteri yang disertai isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah telah melawat Kedah sejak kelmarin dan menghadiri beberapa upacara perasmian.

Antara lain beliau telah merasmikan bangunan UMNO bahagian Jerai di pekan Guar Cempedak, 32 kilometer dari sini petang semalam.

Gaji

Berucap di upacara itu, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa gaji para pekerja kerajaan yang bertugas dengan pihak swasta di bawah dasar penswastaaan adalah terjamin.

Beliau juga menjelaskan kerajaan melaksanakan dasar itu dengan niat supaya duit gaji sebanyak \$7,000 juta setahun yang semakin

erti peladang-peladang, nelayan dan petani-petani.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan tidak mahu ada golongan yang terlalu mewah dan ada golongan yang terus menderita hidupnya di negara ini.

Menurutnya, dalam zaman kemelesetan ekonomi sekarang kerajaan bergantung kepada cukai dari rakyat terutama dari mereka yang kaya, malangnya kita dapat meningkatkan cukai itu dengan banyaknya tetapi khidmat juga turut meningkat.

Ketika berucap di upacara perletakan batu asas bangunan UMNO bahagian Kuala Kedah 11 kilometer dari sini di sebelah paginya, beliau menjelaskan semua cukai yang dikutip oleh kerajaan sekarang digunakan bagi membayar gaji para pekerja dan kakitangan kerajaan.

Kerajaan sekarang ter-

Menurut Perdana Menteri, usaha-usaha pembangunan luar bandar yang dibuat oleh kerajaan selama ini juga mendapat kritik kononnya tidak mendatangkan faedah sebaliknya memburukkan lagi keadaan penduduk di luar bandar.

Subsidi

Mereka kononnya mendakwa penduduk-penduduk luar bandar dikatakan terdedah kepada golongan-golongan tertentu yang mengeksploitasi penduduk-penduduk luar bandar.

Kata Perdana Menteri, walaupun berbagai teori telah dikeluarkan dalam mengkritik rancangan-rancangan kerajaan, tetapi kerajaan tetap juga meneruskan segala projek pembangunannya yang ternyata membawa berbagai kejayaan yang membanggakan.

"Ini juga diragukan oleh mereka sama ada kejayaan itu benar-benar menjadi kenyataan," kata Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Dasar Ekonomi Baru yang turut dipertingkatkan oleh golongan tersebut kononnya menguntungkan orang-orang kaya sahaja adalah didorongkan oleh perasaan chauvinist dan politik mereka semata-mata.

"Mereka sebenarnya lupa tentang berbagai usaha kerajaan mengadakan berbagai subsidi kepada rakyat, mengadakan Rancangan Peairan Muda untuk menolong para petani dan

bertambah itu supaya dapat dikurangkan bagi membantu golongan rakyat yang menderita dan miskin sep-

paksa menampung sebanyak \$7,000 juta untuk membayar gaji setahun di samping lain-lain tanggungan.